



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

—
VERSI ATAS TALIAN TEKS CETAKAN SEMULA
YANG KEMAS KINI
—

Akta 283

AKTA PENAGIH DADAH (RAWATAN DAN PEMULIHAN) 1983

Sebagaimana pada 1 September 2012

**AKTA PENAGIH DADAH
(RAWATAN DAN PEMULIHAN) 1983**

Tarikh Perkenan Diraja 13 April 1983

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 14 April 1983

Kali terakhir dipinda melalui
Akta A1018 yang mula
berkuat kuasa pada 1 September 1998

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 283

AKTA PENAGIH DADAH (RAWATAN DAN PEMULIHAN) 1983

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

RAWATAN DAN PEMULIHAN PENAGIH DADAH DI BAWAH PERINTAH MAHKAMAH

3. Penahanan penagih dadah yang disyaki untuk ujian
4. Membawa ke hadapan Majistret jika ujian tidak dapat disiapkan dalam masa dua puluh empat jam
5. Obligasi penagih dadah yang disyaki untuk menjalani tatacara ujian
6. Perintah Majistret yang boleh dibuat ke atas penagih dadah
7. (*Dipotong*)

BAHAGIAN III

RAWATAN DAN PEMULIHAN
PENAGIH DADAH YANG MENJALANINYA
DENGAN SUKARELA

Seksyen

8. Tatacara bagi rawatan dan pemulihan penagih dadah yang menjalaninya dengan sukarela
9. Tatacara bagi rawatan dan pemulihan penagih dadah yang belum dewasa dan yang baginya bantuan dikehendaki

BAHAGIAN IV

PUSAT BAGI RAWATAN
DAN PEMULIHAN

10. Pusat pemulihan
11. Lembaga pelawat
12. Penyingkatan tempoh kediaman di Pusat Pemulihan
13. (*Dipotong*)
14. (*Dipotong*)
15. (*Dipotong*)
16. Pusat persendirian bagi rawatan dan pemulihan dan bagi jagaan lanjutan
17. Pemindahan di antara Pusat

BAHAGIAN IV

AM

18. Pemberitahuan wajib mengenai penagih dadah
19. Jagaan yang sah di sisi undang-undang
20. Kesalahan oleh penghuni di Pusat Pemulihan dan Pusat Jagaan Lanjutan, dan orang awasan
21. Tempoh pemenjaraan atau tahanan hendaklah disifatkan sebagai tempoh kediaman, jagaan lanjutan atau pengawasan
22. Sumbangan bagi kos saraan, rawatan dan pemulihan
23. Perwakilan oleh Ketua Pengarah

Seksyen

24. Bidang kuasa
25. Perlindungan orang yang bertindak di bawah kuasa Akta ini
26. Aktiviti yang akan membantu rawatan dan pemulihan
27. Memisahkan orang belum dewasa
28. Kaedah-kaedah
29. Pemansuhan
30. Peralihan
31. Pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 283

AKTA PENAGIH DADAH (RAWATAN DAN PEMULIHAN) 1983

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai rawatan dan pemulihan penagih dadah dan mengenai perkara yang berkaitan dengannya.

[16 April 1983, P.U. (B) 190/1983]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“dadah berbahaya” ertinya mana-mana dadah atau bahan yang buat masa ini terkandung di dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*];

“kaedah-kaedah” ertinya kaedah-kaedah yang dibuat oleh Menteri di bawah Akta ini;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah yang dilantik di bawah subseksyen (2);

“Lembaga Pelawat” ertinya Lembaga Pelawat yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 11;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri;

“pegawai” ertinya mana-mana Pegawai Pemulihan atau mana-mana pegawai polis;

“Pegawai Pemulihan” ertinya pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (2);

“penagih dadah” ertinya seseorang yang, melalui penggunaan mana-mana dadah berbahaya, mengalami suatu keadaan psikik dan kadang kala keadaan fizikal yang dicirikan dengan gerak balas tingkah laku dan gerak balas lain yang meliputi desakan mengambil dadah secara berterusan atau berkala untuk mengalami kesan psikiknya dan untuk mengelakkan ketagihan ketika ketiadaannya;

“pengamal perubatan berdaftar” ertinya pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*];

“Pusat Pemulihan” ertinya institusi yang ditubuhkan di bawah seksyen 10;

“ujian” ertinya semua perbuatan atau tatacara yang dijalankan bagi maksud menentukan sama ada seseorang itu penagih dadah.

(2) Menteri hendaklah melantik seorang pegawai awam menjadi Ketua Pengarah yang, tertakluk kepada arahan dan kawalan Menteri, akan mempunyai pengawasan atas semua perkara berhubungan dengan tangkapan, rawatan dan pemulihan penagih dadah di bawah Akta ini dan hendaklah dilantik beberapa orang Pegawai Pemulihan yang dikehendaki dari semasa ke semasa bagi maksud Akta ini.

BAHAGIAN II

RAWATAN DAN PEMULIHAN PENAGIH DADAH DI BAWAH PERINTAH MAHKAMAH

Penahanan penagih dadah yang disyaki untuk ujian

3. (1) Seseorang pegawai boleh menahan dalam jagaan mana-mana orang yang dengan munasabah disyaknya sebagai penagih dadah.

(2) Seseorang yang ditahan dalam jagaan di bawah subseksyen (1) bolehlah ditahan selama tempoh tidak lebih daripada dua puluh empat jam di mana-mana tempat yang sesuai bagi maksud menjalani ujian.

Membawa ke hadapan Majistret jika ujian tidak dapat disiapkan dalam masa dua puluh empat jam

4. (1) Jika ujian tidak dapat dijalankan atau disiapkan, atau keputusan ujian itu tidak dapat diperolehi dalam masa dua puluh empat jam dari masa seseorang itu ditahan dalam jagaan di bawah subseksyen 3(1) —

(a) orang itu bolehlah dilepaskan dengan jamin, dengan atau tanpa penjamin, oleh seseorang pegawai supaya hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam bon; atau

(b) orang itu bolehlah dibawa oleh seseorang pegawai ke

hadapan Majistret, dan Majistret itu hendaklah, jika pegawai itu melaporkan bahawa orang itu perlu ditahan bagi maksud menjalani ujian, memerintahkannya supaya ditahan sedemikian selama sesuatu tempoh tidak lebih daripada empat belas hari untuk menjalani ujian atau Majistret itu boleh melepaskannya dengan jamin, dengan atau tanpa penjamin, supaya hadir pada sesuatu masa dan di sesuatu tempat yang dinyatakan dalam bon bagi maksud menjalani ujian itu, atau jika orang itu telah pun menjalani ujian tetapi keputusan ujian sedemikian masih belum diperolehi, Majistret itu boleh melepaskannya dengan jamin, dengan atau tanpa penjamin, supaya hadir pada sesuatu masa dan di sesuatu tempat yang dinyatakan dalam bon untuk menerima keputusan ujian itu.

(2) Seksyen 390, 391, 392, 393 dan 404 Kanun Tatacara Jenayah hendaklah dipakai *mutatis mutandis* bagi sesuatu bon jamin yang disempurnakan di bawah seksyen ini setakat yang ia tidak berlawanan dengan peruntukan seksyen ini, dan sebutan dalam seksyen tersebut mengenai pegawai polis hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai seseorang pegawai di bawah Akta ini.

Obligasi penagih dadah yang disyaki untuk menjalani tatacara ujian

5. (1) Bagi maksud ujian di bawah seksyen 3 atau 4, orang itu hendaklah merelakan dirinya kepada semua perbuatan atau tatacara yang dia dikehendaki atau diarahkan supaya menjalaninya oleh seseorang pegawai, atau oleh pegawai perubatan kerajaan, atau oleh pengamal perubatan berdaftar, atau oleh mana-mana orang yang bekerja di bawah pengawasan pegawai, pegawai perubatan kerajaan atau pengamal perubatan berdaftar itu, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Jika mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana kehendak atau arahan di bawah subseksyen (1), dia melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada tiga bulan atau denda, atau kedua-duanya.

Perintah Majistret yang boleh dibuat ke atas penagih dadah

6. (1) Jika seseorang yang telah menjalani ujian yang disebut dalam seksyen 3 atau 4 dan, berikutan dengan ujian itu, diperakui oleh pegawai perubatan kerajaan atau pengamal perubatan berdaftar sebagai penagih dadah, pegawai itu hendaklah membawanya, atau menyebabkannya hadir, di hadapan Majistret, dan Majistret itu hendaklah atas syor Pegawai Pemulihan itu dan setelah memberi orang itu peluang untuk membuat representasi—

- (a) memerintahkan orang itu menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan yang ditetapkan dalam perintah itu selama tempoh dua tahun dan selepas itu menjalani pengawasan seorang pegawai di tempat yang ditetapkan dalam perintah selama tempoh dua tahun; atau
- (b) memerintahkan orang itu diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai di tempat yang ditetapkan dalam perintah itu selama tempoh tidak kurang daripada dua dan tidak melebihi tiga tahun.

(2) Sesuatu perintah pengawasan yang dikenakan ke atas seseorang di bawah perenggan (1)(a) dan (b) hendaklah mengandungi syarat yang berikut:

- (a) orang itu mestilah tinggal di dalam Negeri atau Wilayah Persekutuan atau mana-mana kawasan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu;
- (b) orang itu tidak boleh meninggalkan kawasan tempat dia tinggal tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah;
- (c) pada waktu yang dinyatakan dalam perintah itu, orang itu hendaklah melaporkan diri di balai polis yang paling hampir atau bagi anggota angkatan tentera di tempat yang ditetapkan oleh seseorang pegawai;
- (d) orang itu tidak boleh mengambil, menggunakan atau memiliki apa-apa dadah berbahaya;

(e) orang itu hendaklah menjalani apa-apa ujian pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang diperintahkan oleh seseorang pegawai; dan

(f) orang itu hendaklah menjalani apa-apa jua program pemulihan penagih dadah yang diadakan oleh Kerajaan.

(3) Mana-mana orang yang sedang menjalani pengawasan di bawah perenggan (1) (a) atau (b) yang tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau sebatan tidak melebihi tiga sebatan atau kedua-duanya.

7. (Dipotong).

BAHAGIAN III

RAWATAN DAN PEMULIHAN PENAGIH DADAH YANG MENJALANINYA DENGAN SUKARELA

Tatacara bagi rawatan dan pemulihan penagih dadah yang menjalaninya dengan sukarela

8. (1) Mana-mana orang yang menjadi penagih dadah boleh memohon kepada Pegawai Pemulihan supaya diberi rawatan dan pemulihan berkenaan dengan ketagihan dadah orang itu.

(2) Jika seseorang membuat permohonan di bawah subseksyen (1), Pegawai Pemulihan hendaklah dengan seberapa segera yang boleh membuat perkiraan bagi pemohon itu menjalani ujian.

(3) Jika berikutan daripada ujian di bawah subseksyen (2), orang itu diperakui oleh pegawai perubatan kerajaan atau pengamal perubatan berdaftar sebagai penagih dadah, Pegawai Pemulihan itu

hendaklah memutuskan sama ada orang itu patut—

- (a) menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan selama tempoh dua tahun dan selepas itu menjalani pengawasan oleh seorang pegawai selama tempoh dua tahun; atau
- (b) diletakkan di bawah pengawasan seorang Pegawai Pemulihan bagi tempoh tidak kurang daripada dua dan tidak melebihi tiga tahun dan dijadikan tertakluk kepada syarat yang difikirkan oleh Pegawai Pemulihan perlu atau bermanfaat bagi maksud rawatan dan pemulihan orang itu,

dan hendaklah memberitahu pemohon itu akan keputusannya.

Tatacara bagi rawatan dan pemulihan penagih dadah yang belum dewasa dan yang baginya bantuan dikehendaki

9. (1) Mana-mana ibu bapa atau penjaga seseorang belum dewasa yang ibu bapa atau penjaga itu mengesyaki atau mempunyai sebab mempercayai menjadi penagih dadah boleh memohon kepada Pegawai Pemulihan supaya orang belum dewasa itu dirawat dan dipulihkan dan membawa orang belum dewasa itu ke hadapan pegawai itu.

(2) Jika seseorang belum dewasa dibawa ke hadapan Pegawai Pemulihan di bawah subseksyen (1), seksyen 8 adalah terpakai baginya menurut cara yang sama seperti ia terpakai bagi orang yang memohon rawatan dan pemulihan di bawah seksyen itu

BAHAGIAN IV

PUSAT BAGI RAWATAN DAN PEMULIHAN

Pusat Pemulihan

10. Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan Pusat Pemulihan bagi kediaman, rawatan dan

pemulihan penagih dadah yang diperintahkan atau diterima masuk untuk tinggal di dalamnya di bawah Akta ini.

Lembaga Pelawat

11. Maka hendaklah dilantik oleh Menteri suatu Lembaga Pelawat bagi tiap-tiap satu Pusat Pemulihan, dan Lembaga Pelawat itu —

- (a) hendaklah menjalankan semua kuasa, menunaikan semua kewajipan dan melaksanakan semua fungsi yang diperuntukkan dalam Akta ini atau yang ditetapkan dalam mana-mana kaedah; dan
- (b) hendaklah menasihati dan membuat syor kepada Ketua Pengarah atas semua perkara yang dirujuk oleh Ketua Pengarah kepadanya dan atas perkara lain yang berhubungan dengan kewajipan dan fungsi mereka yang disifatkan perlu dan suai manfaat untuk memberi nasihat dan membuat syor mengenainya itu.

Penyingkatan tempoh kediaman di Pusat Pemulihan

12. (1) Ketua Pengarah boleh menyingkatkan tempoh kediaman di mana-mana Pusat Pemulihan berkenaan dengan mana-mana orang atas sebab-sebab yang didapatinya mencukupi jika orang itu telah menjalani tempoh kediaman selama genap dua belas bulan di Pusat tersebut.

(2) Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan bertulis Menteri, melepaskan dari Pusat Pemulihan itu seseorang yang belum lagi menjalani tempoh kediaman selama genap dua belas bulan di Pusat itu atas sebab khas yang berhubungan dengan kebajikan orang itu.

13-15. (*Dipotong oleh Akta 1018*)

Pusat persendirian bagi rawatan dan pemulihan dan bagi jagaan lanjutan

16. Menteri boleh atas permohonan mana-mana orang perseorangan atau mana-mana organisasi, badan atau kumpulan orang, memberi kelulusan bagi penubuhan dan pengendalian suatu pusat pemulihan persendirian bagi rawatan dan pemulihan penagih dadah atau bagi jagaan lanjutan orang yang telah menjadi penagih dadah, atas apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan oleh Menteri.

(2) Terma dan syarat mana-mana kelulusan yang diberi di bawah subseksyen (1) boleh pada bila-bila masa diubah oleh Menteri dan dia boleh, tanpa memberi apa-apa notis atau menyatakan apa-apa sebab, membatalkan apa-apa kelulusan yang diberi di bawah subseksyen (1), dan apa-apa pembatalan yang dibuat itu boleh mengandungi semua arahan dari jenis bersampingan atau berbangkit yang difikirkan oleh Menteri sebagai perlu, suai manfaat atau wajar.

(3) Pemberitahuan mengenai setiap kelulusan sesuatu pusat di bawah seksyen ini dan setiap pembatalan kelulusan itu, hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(4) Mana-mana orang yang menubuhkan atau mengendalikan, atau membantu dalam pengendalian mana-mana tempat bagi rawatan, pemulihan, atau jagaan lanjutan dan pengawasan orang yang adalah atau masih lagi menjadi penagih dadah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya.

(5) Tiada apa jua yang terkandung dalam peruntukan terdahulu seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menjejaskan, memudaratkan atau mengurangkan dengan apa jua cara hak seseorang yang dengan sah di sisi undang-undang memberi rawatan perubatan kepada mana-mana orang berhubungan dengan apa-apa keadaan fizikal atau mental yang berbangkit dari, atau melibatkan atau berhubungan dengan, ketagihan dadah orang itu.

Pemindahan di antara Pusat

17. Mana-mana orang yang menjadi penghuni di sesuatu Pusat Pemulihan boleh pada bila-bila masa diarahkan oleh Ketua Pengarah supaya dipindahkan untuk tinggal di sesuatu Pusat Pemulihan yang lain dan jika diarahkan sedemikian orang itu hendaklah dipindahkan ke Pusat Pemulihan yang lain itu.

BAHAGIAN V**AM****Pemberitahuan wajib mengenai penagih dadah**

18. (1) Adalah menjadi kewajipan pengamal perubatan berdaftar, termasuk pegawai perubatan kerajaan, untuk memberitahu Ketua Pengarah mengenai mana-mana orang yang dirawat olehnya kerana ketagihan dadah mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak lebih daripada *dua ribu ringgit.

Jagaan yang sah di sisi undang-undang

19. (1) Seseorang adalah berada di dalam jagaan yang sah di sisi undang-undang —

(a) jika dia ditahan dalam jagaan oleh seseorang pegawai di bawah Akta ini;

(b) semasa dia menjadi penghuni di Pusat Pemulihan di bawah Akta ini;

(c) semasa dia sedang dibawa dari mana-mana tempat atau ke mana-mana tempat, atau semasa dia sedang melibatkan dirinya dalam apa-apa aktiviti di bawah Akta ini di luar Pusat Pemulihan, sepanjang tempoh yang dia dikenakan suatu perintah yang dibuat di bawah Akta ini supaya tinggal di Pusat Pemulihan.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang yang dimasukkan ke Pusat Pemulihan di bawah seksyen 8 atau 9.

(3) Mana-mana orang yang lepas lari dari jagaan yang sah di sisi undang-undang sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh *dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau disebat tidak melebihi tiga sebatan.

Kesalahan oleh penghuni di Pusat Pemulihan dan Pusat Jagaan Lanjutan, dan orang awasan

20. (1) Jika mana-mana orang—

(a) melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan dengan sah di sisi undang-undang di bawah Akta ini berhubungan dengan kediaman, rawatan atau pemulihan di Pusat Pemulihan; atau

(b) melanggar mana-mana kaedah berhubungan dengan sesuatu Pusat Pemulihan jika tiada apa jua hukuman tertentu diperuntukkan dalam kaedah-kaedah itu bagi pelanggaran itu;

(c) mengapiakan mana-mana penghuni di Pusat, supaya melanggar mana-mana kaedah berhubungan dengan Pusat itu;

*CATATAN— Terdahulu “lima ratus ringgit” – lihat Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan)(Pindaan) 1998 [Act A1018]

- (d) menggunakan apa-apa perkataan atau gerak isyarat yang lucu, mengancam, menghina atau mencela, atau selainnya berkelakuan dengan cara yang mengancam atau mencela, terhadap mana-mana orang yang menjalankan mana-mana kuasa, menunaikan mana-mana kewajipan atau melaksanakan mana-mana fungsi berhubungan dengan jagaan, rawatan, pemulihan, kediaman atau pengawasan mana-mana orang di bawah Akta ini, atau terhadap mana-mana orang yang menjadi penghuni di Pusat Pemulihan atau terhadap mana-mana pekerja atau pekhidmat yang diambil kerja atau diguna khidmat di mana-mana Pusat Pemulihan, atau terhadap mana-mana orang yang dengan sah di sisi undang - undang melawat sesuatu Pusat Pemulihan atau selainnya berada di sesuatu Pusat Pemulihan dengan sah di sisi undang-undang, atau menyerang mana-mana orang, pekerja atau pekhidmat seperti yang tersebut dahulu,

melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada *tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Perenggan (1) (a) dan (b) tidak terpakai bagi seseorang yang dimasukkan ke Pusat Pemulihan di bawah seksyen 8 atau 9.

Tempoh pemenjaraan atau tahanan hendaklah disifatkan sebagai tempoh kediaman, jagaan lanjutan atau pengawasan

21. (1) Jika seseorang yang menjalani tempoh kediaman di Pusat Pemulihan pengawasan oleh seorang pegawai, atau telah diperintahkan supaya berbuat demikian tetapi masih belum mula menjalaninya, dihukum penjara selama sesuatu tempoh oleh mana-mana mahkamah, atau oleh *Mahkamah Kanak-kanak dengan suatu tempoh tahanan, atau ditahan di bawah mana-mana undang-undang

*CATATAN—Terdahulu “denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun”—lihat Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan)(Pindaan) 1998 [Act A1018]

*CATATAN—Peruntukan asal yang menggunakan perkataan “Mahkamah Juvana” kini ditafsirkan sebagai “Mahkamah Kanak-kanak”—lihat seksyen 131 Akta Kanak-kanak 2001 [Act 611]

yang berhubungan dengan tahanan pencegahan, pemenjaraan atau tahanan itu hendaklah diberi keutamaan dari kediaman atau pengawasan seperti yang tersebut dahulu, dan tempoh pemenjaraan atau tahanan yang telah dijalani hendaklah disifatkan sebagai kediaman di Pusat Pemulihan atau pengawasan, mengikut mana yang berkenaan, dan apabila tamat tempoh pemenjaraan atau tahanan itu, masih belum habis mana-mana bahagian tempoh yang baginya dia telah diperintahkan supaya tinggal di Pusat Pemulihan, atau menjalani pengawasan, mengikut mana yang berkenaan, dia adalah dikehendaki tinggal di Pusat Pemulihan atau menjalani pengawasan, mengikut mana yang berkenaan, bagi mana-mana bahagian tempoh itu yang masih belum habis.

(2) Peruntukan terdahulu dalam seksyen ini tidak terpakai bagi seseorang yang dimasukkan ke Pusat Pemulihan di bawah seksyen 8 atau 9.

Sumbangan bagi kos saraan, rawatan dan pemulihan

22. (1) Jika Majistret membuat sesuatu perintah menghendaki mana-mana orang supaya tinggal di Pusat Pemulihan, dia boleh, pada masa membuat perintah itu, atau pada bila-bila masa selepas itu dalam masa perintah itu berkuat kuasa, membuat suatu perintah, menghendaki orang itu, atau jika orang-orang itu adalah seorang belum dewasa, menghendaki ibu bapanya atau penjaganya, membayar apa-apa amaun yang dinyatakan dalam perintah itu kepada Ketua Pengarah sebagai sumbangan terhadap kos saraan, rawatan dan pemulihan orang itu di Pusat Pemulihan itu.

(2) Sebelum membuat sesuatu perintah di bawah subseksyen (1), Majistret hendaklah menimbangkan laporan seseorang Pegawai Pemulihan berhubungan dengan hal keadaan orang yang terhadapnya perintah itu dicadang hendak dibuat (satu salinan laporan itu hendaklah diberi kepada orang itu) dan memberi peluang kepada orang itu untuk membuat representasi mengenai perkara itu kepada Majistret.

(3) Majistret boleh, atas permohonan mana-mana orang yang

terhadapnya suatu perintah di bawah subseksyen (1) telah dibuat, membatalkan, membuat perintah baru atau mengubah perintah itu sebagaimana difikirkan patut oleh Majistret.

(4) Apa-apa amaun yang kena dibayar dan terhutang di bawah seksyen ini hendaklah menjadi suatu hutang sivil yang kena dibayar dan terhutang kepada, dan boleh dituntut oleh, Kerajaan.

Pewakilan oleh Ketua Pengarah

23. Ketua Pengarah boleh mewakilkan secara bertulis kepada mana-mana Pegawai Pemulihan mengikut nama atau jawatan apa-apa kuasa yang diberi kepadanya di bawah Akta ini.

Bidang kuasa

24. (1) Walau apa pun peruntukan dalam Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*] atau Kanun Tatacara Jenayah atau mana-mana undang-undang bertulis lain sebaliknya, apa-apa kuasa atau bidang kuasa yang diberi kepada Majistret di bawah seksyen 4, 6 dan 22 Akta ini mengenai perkara yang dinyatakan di dalamnya, bolehlah dijalankan oleh mana-mana Majistret di mana-mana tempat sama ada perkara itu berbangkit di dalam atau di luar bidang kuasa tempatan Majistret itu atau di dalam atau di luar had kawasan mahkamahnyanya.

(2) Seseorang Majistret yang menjalankan kuasa di bawah seksyen 4, 6 atau 22 boleh berbuat demikian di mana-mana tempat, selain mahkamah terbuka atau awam, yang difikirkan sesuai bagi maksud Majistret itu, sama ada tempat itu berada di dalam atau di luar lingkungan bangunan mahkamah.

Perlindungan orang yang bertindak di bawah kuasa Akta ini

25. Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan menurut mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya tidaklah tertakluk kepada apa-apa liabiliti sivil atau jenayah berkenaan dengannya, sama ada atas alasan

tiada bidang kuasa, silap undang-undang atau fakta atau apa-apa alasan lain melainkan dia bertindak dengan berniat jahat atau tanpa hemat yang munasabah.

Aktiviti yang akan membantu rawatan dan pemulihan

26. Mana-mana orang yang menjalani rawatan dan pemulihan di sesuatu Pusat Pemulihan boleh dikehendaki melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang, pada pendapat orang yang menjaga Pusat Pemulihan, akan membantu dalam rawatan dan pemulihannya, dan aktiviti sedemikian boleh melibatkan pekerjaan di dalam atau di luar Pusat Pemulihan itu.

Memisahkan orang belum dewasa

27. Jika seseorang belum dewasa ditahan dalam jagaan, atau dikehendaki tinggal di Pusat Pemulihan di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, atau sedang dipindahkan ke sesuatu tempat atau dari sesuatu tempat semasa dalam jagaan tersebut, atau semasa dalam tempoh kediaman, mengikut mana yang berkenaan, perkiraan hendaklah dibuat supaya dia ditahan dalam jagaan itu atau tinggal atau hadir sedemikian atau dipindahkan sedemikian, menurut cara yang akan memastikan bahawa dia tidak bercampur dengan dan dipisahkan dari orang dewasa atau orang dewasa yang sedang ditahan dalam jagaan, atau tinggal sedemikian, atau sedang dipindahkan sedemikian.

Kaedah-kaedah

28. (1) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan peruntukan atau maksud Akta ini dengan lebih lanjut, baik dan mudah dan khususnya, tetapi tanpa mengurangkan keluasan peruntukan yang tersebut dahulu, berkenaan dengan mana-mana atau semua perkara yang berikut:

- (a) untuk menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki supaya ditetapkan di bawah Akta ini;

- (b) untuk mengadakan borang bagi penggunaan berkaitan dengan mana-mana perkara di bawah Akta ini;
- (c) untuk mengawal selia penubuhan, pengurusan dan kawalan Pusat Pemulihan, dan pusat pemulihan persendirian, termasuklah peruntukan mengenai kuasa, kewajipan dan fungsi orang yang menjaga atau diambil kerja di Pusat Pemulihan itu atau di pusat pemulihan persendirian;
- (d) untuk mengadakan peruntukan mengenai disiplin, pelajaran, latihan vokasional dan pekerjaan orang yang menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan itu atau di pusat pemulihan persendirian;
- (e) untuk mengadakan peruntukan mengenai tatacara berhubungan dengan ujian yang hendak dijalankan di bawah Akta ini;
- (f) untuk mengadakan peruntukan mengenai tatacara berhubungan dengan rawatan, pemulihan dan pengawasan orang di bawah Akta ini;
- (g) untuk mengadakan peruntukan mengenai keanggotaan, kewajipan, fungsi dan tatacara Lembaga Pelawat;
- (h) untuk mengadakan peruntukan mengenai borang, dan peruntukan yang hendak dimasukkan ke dalam mana-mana bon jamin yang disempurnakan di bawah Akta ini;
- (i) untuk mengadakan peruntukan mengenai borang, peruntukan, dan terma dan syarat mana-mana bon lain yang dikehendaki supaya disempurnakan di bawah Akta ini.

(2) Menteri boleh dalam kaedah-kaedah itu atau dengan kaedah-kaedah berasingan yang dibuat di bawah Akta ini memperuntukkan bahawa apa-apa pelanggaran terhadap peruntukan mana-mana kaedah adalah menjadi suatu kesalahan dan boleh memperuntukkan supaya kesalahan sedemikian dihukum denda tidak lebih daripada lima ratus

ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

Pemansuhan

29. Perkataan “for matter relating to the treatment and rehabilitation of drug dependants,” yang terdapat dalam tajuk panjang, takrif “Board of Visitors”, “detection centre”, “Director General”, “drug dependant”, “rehabilitation centre” dan “rehabilitation committee” dalam seksyen 2, dan Bahagian VA, Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] dimansuhkan.

Peralihan

30. Walau apa pun yang terkandung dalam seksyen 29, jika sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini —

(a) mana-mana orang telah ditahan dalam jagaan; atau

(b) telah atau sedang diambil tindakan dengan apa jua cara oleh mana-mana mahkamah, Majistret, Pegawai Kebajikan Masyarakat, Lembaga Pelawat, atau mana-mana pegawai atau pihak berkuasa lain,

di bawah Bahagian VA Akta Dadah Berbahaya 1952, peruntukan Akta itu, termasuklah Bahagian VA Akta itu hendaklah terus dipakai berhubungan dengan orang itu, kecuali bahawa sebutan mengenai pegawai dan pihak berkuasa di bawah Bahagian VA tersebut hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai pegawai dan pihak berkuasa yang bersamaan yang dilantik di bawah Akta ini.

Pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952

31. Akta Dadah Berbahaya 1952 dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 38 seksyen baru 38A dan 38B yang berikut :

Powers of Court in respect of drug dependants below the age of eighteen

38A. (1) Where any person below the age of eighteen years is found guilty of an offence against this Act other than in the case of an offence under section 6B or 39B or other than in a case where a person is found guilty of the offence against this Act for which the punishment shall be under section 39A, the Court shall consider a report of a Rehabilitation Officer as defined in the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 [Act 283] and if the Court is satisfied that such person is a drug dependant as certified by a government medical officer and that having regard to the circumstances of the case and the character, antecedents, health or mental condition of the person charged it is inexpedient to inflict the punishment provided, the Court may, with or without recording a conviction —

- (a) release the offender and order him to reside at a Rehabilitation Centre for a period of two years to undergo treatment and rehabilitation, and immediately thereafter to undergo after-care in accordance with the provisions of the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983; or
- (b) order the offender to be placed under the supervision of a Rehabilitation Officer for a period of not less than two and not more than three years, and to execute a bond with or without sureties, as the Court may determine, to remain under such supervision for the such period:

Provided that where such person fails to execute such bond, an order under paragraph (a) shall be made against him by the Court.

(2) Where an order under paragraph (1)(a) is made against an offender, it shall be deemed to be an order made by a Magistrate under paragraph 6 (1)(a) of the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983, and where the order is made under paragraph (1)(b), it shall be deemed to be an order

made by the Magistrate under paragraph 6(1)(b) of that Act, and the provisions of that Act shall apply accordingly in relation to such order.

Powers of Court in respect of person found guilty under section 15.

38B. (1) Where a person is found guilty of an offence under section 15, he shall immediately after having undergone the punishment imposed upon him in respect thereof, undergo supervision by a Rehabilitation Officer as defined under subsection 2(2) of the Drug Dependents (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 for a period of not less than two and not more than three years as may be determined by the Rehabilitation Officer.

(2) A person who is required to undergo supervision by a Rehabilitation Officer under subsection (1), shall be deemed to have been placed under such supervision by virtue of an order made by a Magistrate under paragraph 6(1)(b) of the Drug Dependents (Treatment and Rehabilitation) Act 1983, and the provisions of that Act shall apply accordingly in relation to such supervision.”

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 283****AKTA PENAGIH DADAH
(RAWATAN DAN PEMULIHAN) 1983**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1018	Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 1998	01-09-1998

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 283****AKTA PENAGIH DADAH
(RAWATAN DAN PEMULIHAN) 1983****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A1018	01-09-1998
4	Akta A1018	01-09-1998
6-10	Akta A1018	01-09-1998
12-15	Akta A1018	01-09-1998
18-22	Akta A1018	01-09-1998
24	Akta A1018	01-09-1998
26-28	Akta A1018	01-09-1998
